

22 JAN 2001

Abdullah-Yuran

KETUA BAHAGIAN DAN CAWANGAN TOLAK PEMBAYARAN YURAN DIBERI AMARAN

MELAKA, 22 Jan (Bernama) -- Ketua-ketua bahagian dan cawangan yang didapati menolak pembayaran yuran oleh anggota parti hari ini diberi amaran akan diambil tindakan oleh Badan Perhubungan Umno negeri.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata masalah itu adalah serius kerana ia jelas melanggar perlembagaan parti.

"Masalah ini mendukacitakan walaupun sebelum ini pernah berbangkit tetapi masih ada juga cawangan dan bahagian yang melakukan...pelbagai alasan diberikan termasuk kesahihan taraf keahlian yang dipertikaikan," katanya.

Majlis Tertinggi (MT) Umno yang membincangkan perkara itu hari ini telah memutuskan supaya anggota parti yang menghadapi masalah itu membayar terus yuran keahlian di pejabat badan perhubungan negeri atau ibupejabat Umno.

"Saya telah mencadangkan kepada pengerusi badan perhubungan supaya bila ini berlaku, panggil ketua-ketua cawangan berkenaan untuk diberi amaran," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Graha Umno di sini.

Mesyuarat itu adalah yang kedua diadakan di luar Kuala Lumpur selepas mesyuarat di Ipoh Julai lepas.

Abdullah mempengerusikan mesyuarat itu selepas Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meninggalkan mesyuarat kerana tidak sihat.

Timbalan Perdana Menteri berkata amaran berkenaan menyalahi perlembagaan kerana semua anggota berhak membayar yuran dan seterusnya menghadiri mesyuarat.

"Tidak ada siapapun boleh dihalang daripada membayar yuran," katanya.

Beliau berkata jika ada pemimpin peringkat cawangan atau bahagian enggan menerima pembayaran yuran, anggota Umno terlibat boleh membayar terus kepada badan perhubungan negeri.

Sebelum ini mereka boleh membayar terus kepada ibupejabat parti tetapi kali ini Umno memberi kuasa kepada negeri untuk menerima bayaran yuran itu, katanya.

Ditanya mengenai berapa serius masalah berkenaan, Abdullah berkata: "Walaupun ia hanya melibatkan tiga cawangan sekalipun, serius juga, tidak semestinya melibatkan berpuluh-puluh cawangan baru dikatakan serius."

Katanya, MT membuat keputusan itu bagi mengatasi masalah keenggan cawangan dan bahagian menerima pembayaran yuran daripada anggotanya yang berlaku setiap kali mesyuarat hendak diadakan.

Antara sebab pembayaran yuran itu ditolak ialah kerana ada pemimpin beranggapan anggota yang tidak membayar yuran tidak dapat menghadiri mesyuarat dan menentang mereka, katanya.

Beliau berkata MT juga memutuskan supaya mesyuarat cawangan dan bahagian tahun ini dijalankan mengikut perlembagaan baru sebaik sahaja menerima kelulusan Pendaftaran Pertubuhan.

Mengenai pertemuan antara Umno dengan Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu, Abdullah berkata, tarikh pertemuan itu tidak dapat diputuskan lagi.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob telah beberapa kali berhubung dengan rakan sejawatannya dari Pas, Nasharuddin Mat Isa bagi menetapkan pertemuan itu supaya dapat diadakan secepat mungkin.

"Kedua-dua pihak akan menetapkan tarikh, tempat dan senarai mereka yang akan bersama dengan presiden kedua-dua parti dalam pertemuan itu," katanya.

Abdullah juga berkata, Dr Mahathir telah memberi penjelasan berhubung pelantikan menteri dan timbalan menteri baru-baru ini serta pelantikan

Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman sebagai Penasihat Agama Perdana Menteri.

"MT juga turut merakamkan penghargaan kepada Abdul Hamid atas jasanya sebagai menteri," katanya.

Beliau juga berkata, MT turut membincangkan mengenai penutupan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dan menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk berbincang dengan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

-- BERNAMA

MOZ RZS AKD